



Pelukis di bawah istana

UB 3.12.2017 B2



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS



(Gambar atas) BENEDICT Chong sedang melukis di hadapan studio.

(Gambar kiri) BERCERITA pengalaman pahit manis seorang pelukis.

(Gambar bawah) LUKISAN landskap pekan Api Api pada tahun 1970.

PERJALANAN penulis pada suatu pagi pada penghujung bulan November 2017 bertujuan mencari seorang pelukis perintis tempatan yang sudah lama mendiamkan diri.

Sudah beberapa kali penulis mencari beliau, maka kali ini berjaya mengesan dan mencari kediamannya. Dengan membawa seorang pelukis tempatan Patrick Monyong sebagai pemandu kami berjaya mencari kediaman pelukis tersebut disebabkan Patrick juga adalah seorang saudara rapat kepada beliau.

Penulis dibawa oleh Patrick melalui jalan kecil di celah pokok dan rimba renek yang terdapat pada sepanjang jalan, ada ketikanya mendaki lereng bukit lagaknya dengan

menaiki kereta Awanza penulis.

Tidak berapa lama dalam perjalanan tersebut maka kami akhirnya sampai di kawasan lapang dan terdapat beberapa buah rumah kecil kepunyaan penduduk di situ dan di sepanjang jalan menuju sebuah pondok usang terdapat sebuah bangsal atau studio kami terjumpa saudara Benedict Chong, seorang pelukis lama yang sedang asyik menghadap sebuah kanvas berbidang besar yang diletakkan di atas tanah sambil beliau mewarnakan karyanya dengan lincah dan tekun sekali.

Beliau tinggal berdekatan Istana Negeri Sabah di sebuah kampung kecil di bawah bukit yang dipanggil Kampung Bukit Nanas,

Kota Kinabalu. Beliau berumur tujuh puluh tahun namun usia tidak menjadi ukuran memandangkan ketangkasan beliau mencalit warna di sekitar permukaan kanvas dengan hal benda sebuah pemandangan desa pedalaman yang terdapat di negeri Sabah.

Menurut beliau kebanyakan karyanya menekankan kepada pemandangan serta aktiviti penduduk tempatan. Beliau sangat terkenal pada tahun tujuh puluhan dengan siri lukisan Gunung Kinabalu dalam berbagai-bagai bentuk, saiz dan juga medium. Sehingga beliau terkenal di kalangan pelukis tempatan sebagai pelukis yang terbanyak melukis gunung tertinggi di tenggara Asia itu. Di samping itu beliau juga berkecimpung dalam menghasilkan lukisan batik dan juga reka bentuk tekstil batik untuk fesyen dan pakaian.

Benedict Chong mula melukis sejak di bangku sekolah lagi. Pada permulaannya hanya didorong oleh keinginan untuk menggambar kehidupan yang dilihat di sekelilingnya. Oleh sebab itu banyak gambar yang dirakamkan beliau berdasarkan kehidupan dalam keluarganya. Di samping itu beliau berjinak dengan lukisan *portrait* ketika belajar di sekolah mubaligh All Saint Likas, Kota Kinabalu pada tahun lima puluhan.

Benedict Chong adalah seorang yang peramah dan senang bergaul dengan seseorang yang sudi beramah mesra dengannya. Namun begitu beliau suka mengasingkan diri dan tidak mudah didekati jika dia tidak senang dengan individu tersebut. Beliau mendapat didikan melukis dari mendiang Simon Yew pelukis perintis negeri Sabah dan juga Allahyarham Dato Muhamad Yaman Mus bekas Pengarah Balai Seni Lukis Negeri Sabah semasa di bangku sekolah.

Benedict atau Ben panggilan di kalangan sahabat beliau adalah dianggap orang pertama yang menjadi pelukis sepenuh masa menurut

buku katalog Pameran Solo sempena Special Olympic Sabah pada tahun 1999 yang di adakan di Shangri-La Tanjung Aru.


Hal benda yang menjadi kegemaran beliau adalah melukis pemandangan dan juga alam benda, alam semulajadi, flora dan fauna tempatan serta ikon negeri seperti Gunung Kinabalu dan bunga Rafflesia. Bagi mendapatkan inspirasi alam semulajadi beliau suka masuk menjelajah ke pedalaman terutamanya dalam hutan dan mencari bahan melalui pemerhatian serta lakaran yang banyak dibuat sebagai bahan rujukan.

Semasa ditemubual, beliau menjelaskan dia bukanlah seorang berbangsa Cina sepenuhnya kerana menurut salasilah di sebelah ibu beliau terdapat darah keturunan Kadazan Dusun. Oleh sebab keturunan beliau itu maka Ben sangat suka mengumpulkan cerita-cerita *folklore* kaum etnik negeri di bawah bayu.

Justeru itu beliau telah menulis dan mengumpulkan sebuah buku bertajuk *Tales of Borneo* yang terbit pada tahun lapan puluhan. Menurut beliau dia tidak suka melukis berpandukan gambar foto dan lebih teruja dengan membuat *Enplein-air* atau lukisan di luar studio. Dalam pada itu beliau mendapat pengiktirafan melalui karya dalam media batik yang telah berjaya membawa beliau sampai ke luar negara pada tahun 1970an dan 80an serta mempopularkan beliau melalui karya tali leher terbesar dan terpanjang di Malaysia.

Melalui pameran kain batik beliau telah mendapat tawaran mengadakan pameran di luar negara seperti di Los Angeles, Amerika Syarikat, Hong Kong, Kanada dan juga di Australia. Pendek kata pada zaman kegemilangannya beliau sentiasa sibuk dengan undangan membuat bengkel dan mempamerkan karya beliau di seluruh negeri Sabah dan juga Semenanjung Malaysia.

Pada hemat penulis karya lukisan Benedict banyak dipengaruhi gaya seni *naive* atau aliran yang biasanya



dimiliki oleh pelukis yang berpendidikan sendiri, (*Self Taught*) kerana apa yang digambarkan oleh beliau kebanyakannya daripada kehidupan masyarakat marhaen, aktiviti mencari makan serta membanting tulang di tengah bendang yang menguning padinya, membajak sawah dengan kerbau ataupun sapi, nelayan sedang menebar jalan atau aktiviti *Laissez-faire* masyarakat, bersantai santai selepas penat bekerja sawah dan selepas berburu.

Di samping melukis hal benda berkaitan kehidupan tempatan beliau juga sangat berminat membuat karya fantasi dan berbentuk *surreal* berkaitan cerita *folklore* tempatan dan juga cerita dongeng. Terdapat banyak karya beliau menceritakan adegan dari buku cerita seperti cerita dongeng Aesop.

Menurut Benedict semasa umurnya masih muda beliau sangat berminat menjelajah ke kawasan pedalaman dengan kumpulan ekspedisi yang dianggotai oleh *tourist* luar negara dan tempatan, beberapa ekspedisi yang disertai beliau berjaya memberi kesedaran serta membuka mata beliau sebagai seorang pelukis yang merakamkan kehidupan desa yang mundur dan kesempatan tanpa kemajuan moden di pedalaman pada tahun 1980an.

Melalui ekspedisi yang disertai maka banyak karya yang dirakamkan melalui lukisan akrilik, lukisan batik serta lakaran pensil

“ Benedict Chong adalah seorang yang peramah dan senang bergaul dengan seseorang yang sudi beramah mesra dengannya. Namun begitu beliau suka mengasingkan diri dan tidak mudah didekati jika dia tidak senang dengan individu tersebut. Beliau mendapat didikan melukis dari mendiang Simon Yew pelukis perintis negeri Sabah dan juga Allahyarham Dato Muhamad Yaman Mus bekas Pengarah Balai Seni Lukis Negeri Sabah semasa di bangku sekolah. ”

yang telah banyak tersebar di seluruh Nusantara dan dunia melalui kolektor yang membeli karya beliau. Salah satu penerokaan yang paling jauh melalui setiap hutan dan kampung-kampung pedalaman di negeri Sabah dan memakan masa hampir satu bulan adalah ekspedisi berjalan kaki dari Kudat ke Ranau pada tahun 1990an yang disertai oleh Ben.

Jika diteliti Benedict Chong adalah salah seorang pelukis perintis negeri Sabah yang berani meneroka serta menembusi pentas antarabangsa. Melalui temubual yang dijalankan oleh penulis, menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pelukis yang berkeyakinan tinggi serta mendukung aliran *Regionalism* yang diutarakan oleh Robert Henri pelukis perintis Amerika dan Sudjojono dari Indonesia pada awal abad ke dua puluhan, yang menggalakkan bahawa pelukis tempatan mesti membanggakan kehidupan negara mereka.

Justeru berdasarkan cogan kata tersebut dalam setiap karya Benedict Chong beliau tidak lupa mengutarakan hal benda berkaitan kehidupan tempatan serta landskap keindahan semulajadi negeri di bawah bayu. Walaupun pernah menjelajah ke luar negara namun kasih sayang kepada bumi tercinta tidak pernah beliau dilupakan.

Walaupun dalam usia yang lanjut serta tanpa kemewahan, semangat berkarya sebagai seorang seniman tetap membara di hati pelukis yang tinggal di bawah istana ini. Semoga pihak berwajib dapat memberikan perhatian yang setimpal kepada seniman yang menegakkan semangat patriotik di kalangan masyarakat tempatan.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).



KARYA Abstrak Batik oleh Benedict.